

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah unit komputer riba, tablet dan peranti mudah alih yang telah diagihkan kepada pelajar di Sarawak (terutamanya di Sibu) dan apakah syarat syarat kelayakan untuk mendapat bantuan tersebut serta cara permohonan/rayuan sekiranya mereka yang layak tercicir untuk mendapatkan bantuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital dan pelan data kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital termasuk pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Sehingga 20 September 2021, sebanyak 112, 356 unit peranti digital dilengkapi dengan pelan data telah diserahkan kepada murid B40 di 910 sekolah seluruh negara. Manakala, 16, 577 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 21, 067 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.

Bagi daerah Sibu, sebanyak 884 unit peranti dilengkapi dengan pelan data telah selesai diagihkan kepada murid B40 di empat (4) buah sekolah.

Peranti CERDIK diagihkan kepada semua murid warganegara Malaysia golongan B40 kohort Tahun Empat (4), Sekolah Rendah dan Tingkatan Tiga (3), Sekolah Menengah di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah Kementerian tahun ini. Pemilihan sekolah adalah berdasarkan peratus murid golongan B40 tertinggi di setiap pejabat pendidikan daerah (PPD) dan negeri. Kementerian mengenal pasti senarai murid golongan B40 berdasarkan data murid di Kementerian dan senarai murid ini akan disahkan semula oleh sekolah sebelum agihan dilaksanakan bagi memastikan tiada keciciran murid layak terjadi.